PENGUKUHAN KEPIMPINAN KETENTERAAN BERPANDUKAN AL-QURAN DAN SUNNAH

Noor Azmi Mohd Zainol
azmi7172@gmail.com
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Zahimi Zainol Abidin
zippy_hj@yahoo.com
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Daud Mohamed Salleh
daudmohamedsalleh@yahoo.com
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Ahmad Azan Ridzuan
azan6142@yahoo.com
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

ABSTRAK

Dalam bidang ketenteraan, keperluan terhadap pemimpin yang berkualiti, cekap dan berkesan merupakan tunjang utama dalam melaksanakan pengoperasiannya. Pembentukan pemimpin yang mantap keupayaan rohani dan jasmani amat diperlukan kerana tentera Islam bukan hanya bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara, malah berperanan dalam penyebaran agama Islam. Kecekapan dan kekuatan rohani serta jasmani akan menyokong mereka dalam menjalankan tugas dengan baik, tidak mudah tertipu dengan taktik musuh dan juga godaan hawa nafsu. Pemimpin yang mempunyai keperibadian tinggi ini mampu mengentarkan musuh-musuh Allah SWT. Bagi menghasilkan pemimpin yang berkualiti, cekap dan berkesan, program-program pembangunan kepimpinan telah dirangka dan dilaksanakan oleh pihak pentadbir organisasi ketenteraan negara ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan konsep-konsep latihan kepimpinan dalam program-program latihan ketenteraan di negara ini adalah lebih berkiblatkan Barat dan kurang disulami dengan konsep yang lebih menjiwai roh Islam di dalam pembinaan kepemimpinan. Amat sedikit sarjana Islam yang membincangkan hal ini. Justeru, penulisan ini akan memfokuskan kepada konsep-konsep utama yang diperlukan dalam membentuk kepimpinan ketenteraan yang berteraskan kepada al-Quran dan Sunnah.

Kata Kunci: kepimpinan, pembangunan kepimpinan ketenteraan, ketenteraan Islam, al-Quran dan Sunnah

Selain dari konsep *itqaan,* setiap individu muslim perlu mencrapkan juga konsep *ihsan* dan ia mestilah diterjemahkan dalam setiap pekerjaan yang dilaksanakan. Pemahaman tentang konsep *ihsan* ini berupaya menggalakkan kita berusaha secara berterusan dan tekun bagi mencapai kecemerlangan dan kualiti kerja menurut acuan Islam (Hassan et al., 2013; Nor 'Azzah, 2006; Sharifah Hayaati, 2008). Bagi seorang Muslim sejati, sebarang pekerjaan yang dilakukan bukan hanya didorong oleh keperluan peribadi sahaja, malah didorong oleh kehendak "bagaimana untuk meningkatkan kualiti pekerjaannya". Ini disebabkan oleh keyakinan bahawa Allah sentiasa mengawasi setiap pekerjaan yang dilakukan dan Allah melihat di mana sahaja kita berada. Hal ini dapat kita fahami melalui hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Yahya bin Ya'mar RA, yang bermaksud:

> *"...Engkau beribadah kepada Allah, seakan-akan engkau melihatNya. Jika engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia pasti melihatmu..."*
>
> (Shahih Muslim)

Selain itu, Hassan et al. (2013) turut menekankan konsep insaniyyah, syura dan istiqamah bagi memberi impak yang lebih efektif dalam kualiti kepimpinan dan pengurusan. Konsep-konsep ini dapat dijelaskan seperti berikut:

- ***Insaniyyah.*** Prinsip ini membentuk seseorang pemimpin yang mempunyai prinsip *Insaniyyah* (kemanusiaan sejati), dan pasti melaksanakan segala amanah dan tugasan dengan sempurna kerana begitu yakin dengan kehendak dan ketetapan Allah SWT sejak azali lagi.

- ***Ihsan.*** Prinsip ini membentuk seseorang pemimpin melakukan sesuatu pekerjaan dengan kaedah yang terbaik (proficiency). Ini kerana sifat *Ihsan* (suka melakukan kebaikan) amat berkaitan dengan aspek kecemerlangan dalam pekerjaan kerana melakukan tugas melebihi daripada keperluan minimum.

- ***Syura.*** Prinsip ini membentuk seseorang pemimpin dalam menetapkan pembahagian sesuatu pencapaian kepada tiga matlamat utama iaitu pertamanya ialah penetapan falsafah pengurusan berdasarkan kitab suci Al-Quran dan Sunnah, kedua ialah keutamaan kepada lahirnya seseorang pemimpin atau pengurus yang mempunyai watak atau akhlak yang tinggi. Seterusnya, ketiga pula ialah pelaksanaan amalan pengurusan sesebuah organisasi yang akan terjamin kejayaannya di dunia dan hari akhirat kelak.

- ***Istiqamah.*** Prinsip ini membentuk seseorang pemimpin berpendirian teguh pada keyakinan yang benar, tetap, berlanjutan, mempercayai dan akan bekerja dengan tekun, berusaha dengan giat dan gigih berjuang untuk mencapai cita-citanya.

Seterusnya, Azman (2013) pula menggariskan beberapa karakter yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin Islam, iaitu *Ubudiyyah, Mas'uliah, Itqaan, Qanaah* dan *Murunah* yang diperincikan seperti berikut:

- ***Ubudiyyah***. Karakter ini merupakan sifat utama yang wajib ada dalam diri seseorang pemimpin Islam. Tanpa adanya sifat ini, segala amal perlakuannya tidak akan bermakna di akhirat kelak. Setiap pemimpin wajib menghindari

"...dan Kami turunkan kepadamu kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang muslim (orang-orang yang mentaati Allah)"

(Al-Quran, an-Nahl, 16: 89)

Selain itu, Allah SWT juga menyatakan bahawa Rasullullah SAW merupakan pemimpin agung kepada umat manusia yang disertai tingkah laku, akhlak serta gaya kepimpinan terpuji yang tiada tolok bandingnya. Kepimpinan beliau adalah contoh yang ideal dan praktikal yang semestinya diikuti oleh umat manusia bagi melahirkan modal insan profesional. Baginda diutuskan untuk membimbing manusia di seluruh dunia bukannya khusus untuk satu-satu bangsa atau negara sahaja. Firman Allah SWT:

"Sungguh, pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang-orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingati Allah"

(Al-Quran, al-Ahzab, 33: 21)

MEMBANGUNKAN KETENTERAAN ISLAM

Kekuatan fizikal dan rohani merupakan gabungan yang diperlukan bagi melahirkan dan membentuk kepimpinan ketenteraan serta ketumbukannya agar mampu menggerunkan musuh-musuh Allah. Ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT melalui firmannya dalam surah al-Anfal ayat 60 yang bermaksud:

"Dan bersiap sedialah untuk menentang mereka (musuh Islam) dengan segala jenis kekuatan yang mampu kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap, (yang dengan persiapan itu) kamu menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu"

(Al-Quran, al-Anfal, 8: 60)

Ayat ini menjelaskan tentang keperluan latihan yang merupakan persiapan bagi membentuk anggota tentera yang berdisiplin yang mampu menggerunkan musuh. Penegasan ini bermaksud bahawa persediaan fizikal, mental dan spiritual merupakan perkara utama yang harus diambil berat oleh setiap ketumbukan tentera Islam. Persiapan sebegini amat diperlukan kerana selain bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara, tentera Islam juga turut berperanan menyebarkan agama Islam. Peranan ini memerlukan kecekapan dan kekuatan rohani serta jasmani agar mereka dapat menjalankan tugas dengan baik, tidak mudah tertipu dengan taktik musuh dan juga godaan hawa nafsu (Ishak, 1994; Wahab, 2011; Noor Azmi et al., 2015; Yahya, 2014). Justeru, kekuatan rohani dan jasmani yang jitu amat diperlukan bagi melahirkan dan membentuk warga tentera yang berkeperibadian tinggi yang mampu menggerunkan musuh.

Untuk mencapai satu standard dan kualiti terbaik di dalam latihan agar dapat memberi impak yang optimum kepada organisasi, setiap latihan yang dirancang perlu disusun dengan sempurna. Apabila kesempurnaan tersebut dapat dicapai maka setiap latihan ketenteraan yang dilaksanakan pastinya dapat memberi impak serta kegerunan kepada pihak musuh sebagaimana yang digambarkan dalam situasi di atas. Reka bentuk latihan yang dibuat dengan teliti dari aspek teori dan amali akan menghasilkan seorang anggota tentera yang terlatih dan berprestasi tinggi. Sebagai seorang muslim sejati, sebarang

yang Maha Mulia. Yang mengajar dengan pena. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya"

(Al-Quran, al-Alaq, 96: 1-5)

Kepimpinan ketenteraan yang lebih berunsur dan bercirikan Islam akan turut memberi penekanan kepada unsur-unsur kerohanian (spiritual) selari dengan kekuatan mental. Kekuatan fizikal dan mental sahaja tidak mencukupi dalam melahirkan ketumbukan tentera yang hebat. Warga tentera yang mempunyai kekuatan jiwa akan melaksanakan tugasnya dengan berkualiti tanpa perlu arahan, teguran dan amaran oleh pihak atasannya. Mereka akan sentiasa melaksanakan tugas dengan ikhlas kerana percaya bahawa setiap amalan pasti mendapat ganjarannya. Dengan pemilikan daya spiritual yang kukuh, mereka akan mudah menerima arahan-arahan daripada Allah SWT serta arahan-arahan pemimpin yang tidak melanggar batas seorang muslim. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah at-Taghabun, ayat 11 yang bermaksud:

"Dan barangsiapa beriman kepada Allah, diberikan hidayah ke dalam hatinya"

(Al-Quran, at-Taghabun, 64: 11)

KAJIAN LITERATUR PEMBENTUKAN KEPIMPINAN

Firman Allah SWT serta hadith-hadith berkaitan pemerkasaan ilmu, latihan, pentadbiran, pengurusan dan persiapan ketenteraan telah dijadikan panduan dalam memperkasakan kepimpinan ketenteraan yang berpandukan al-Quran dan Sunnah. Selain itu, beberapa model kepimpinan yang dicadangkan oleh para sarjana terdahulu serta teori-teori berkaitan latihan kepimpinan turut diteliti.

Mengapa al-Quran dipilih sebagai sumber utama? Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat ke 15 menyatakan berkenaan kesempurnaan kandungan al-Quran yang diturunkan sebagai panduan hidup manusia. Segala amalan isi kandungannya jika diamalkan akan membawa kepada kesempurnaan hidup sepertimana maksud berikut:

"Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus"

(Al-Quran, al-Maidah, 5:15)

Selanjutnya, al-Quran menegaskan tentang kepentingan sesuatu ilmu itu disampaikan. Ini ditegaskan melalui surah Yunus memberi peringatan bahawa perlunya satu kaedah penyampaian dalam menyampaikan sesuatu ilmu (al-Quran), agar ianya dapat diamalkan, sebagaimana maksud ayat berikut:

"Katakanlah (wahai Muhammad), "Jika Allah kehendaki (supaya aku tidak membacakan al-Quran ini kepada kamu), tentulah aku tidak dapat membacakannya kepada kamu, dan tentulah Ia tidak memberitahu kamu akan al-Quran ini (dengan perantaraanku); kerana sesungguhnya aku telah tinggal dalam kalangan kamu satu masa yang lanjut (dan kamu pula

dituntut kerana Islam melihat kerja sebagai sebahagian daripada amal soleh seseorang hamba kepada penciptaNya. Ini kerana kerja merupakan ibadah dan apabila dilaksanakan dengan penuh komited dan berkualiti, seseorang itu akan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Oleh itu, setiap insan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak atas apa yang mereka kerjakan di dunia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, yang bermaksud:

> *"Dan katakanlah, bekerjalah kamu, nescaya Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui yang ghaib dan nyata, lalu diberitahukanNya kepada kamu apa yang telah kamu lakukan"*
>
> (Al-Quran, at-Taubah, 9: 105)

Perkara ini diperkukuhkan lagi melalui firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, ayat 26 yang bermaksud:

> *"Sesungguhnya sebaik-baik pekerja itu ialah orang yang kuat dan jujur"*
>
> (Al-Quran, al-Qasas, 28:26)

Ayat-ayat tersebut merupakan sebahagian daripada ayat-ayat Allah SWT yang menyeru kepada komitmen dan kecekapan dalam melaksanakan pekerjaan mereka yang akhirnya akan meningkatkan kualiti dalam pekerjaan. Komitmen dan kecekapan dalam melaksanakan pekerjaan ini merupakan hasil daripada proses menimba ilmu dalam program latihan yang direkabentuk oleh organisasi.

Hasil daripada kajian literatur yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa kandungan kursus, peranan jurulatih dan sokongan pihak atasan merupakan elemen-elemen penting dalam mempengaruhi keberkesanan latihan kepimpinan. Perkaitan di antara model-model latihan kepimpinan ketenteraan yang direkabentuk berdasarkan elemen-elemen kandungan kursus, peranan jurulatih dan sokongan pengurusan dengan keberkesanan latihan iaitu prestasi kerja adalah konsisten dengan maksud teori-teori motivasi, iaitu teori jangkaan atau *expectancy theory* oleh Vrooms (1973) dan teori pembelajaran dewasa atau *adult learning theory* (*andragogy*) oleh Knowles (1984) dan teori keadaan oleh Hersey dan Blanchard (1984).

Teori jangkaan oleh Vrooms (1973) mencadangkan bahawa sikap dan tingkah laku individu adalah berdasarkan kepada andaian bahawa kelakuan manusia adalah berdasarkan kepada jangkaan bahawa sesetengah tingkah laku boleh menimbulkan sesuatu hasil yang boleh memberikan kepuasan (Jaafar, 2010). Teori ini menegaskan bahawa jangkaan individu terhadap apa yang akan diperolehi dan sejauh mana pentingnya hasil yang akan diperolehi pada masa depan akan mempengaruhi tingkah lakunya. Mengikut teori ini, komitmen setiap individu dalam melaksanakan sesuatu tindakan adalah berdasarkan jangkaan bahawa tindakan-tindakan tersebut berupaya menghasilkan sesuatu yang bernilai kepada mereka. Vrooms (1973) menyatakan bahawa komitmen dan keberkesanan dalam sesuatu tindakan merupakan gabungan daripada paksaan dan kebolehan. Kebolehan merupakan potensi untuk melaksanakan sesuatu tugas manakala paksaan pula dipengaruhi oleh ganjaran terhadap sesuatu yang dihasilkan (Azman et al., 2015; Blanchard & Thacker, 2003; Noor Azmi et al. 2016; Yamnill & McLean, 2001).

kaedah dan karakter kepimpinan cara Islam telah diperkenalkan oleh para ulama dan cendiakawan Islam untuk digunakan dan dilatih kepada pemimpin generasi akan datang. Pusat-pusat latihan ketenteraan harus mengaplikasikan cara dan kaedah tersebut supaya produk kepimpinan yang dihasilkan akan dapat membela ummah demi kebaikan dunia dan akhirat.

RUJUKAN

Al-Quran.

Adanan, M. J. & Mohd Azhar, A.H. (2008). Modal insan dan intelek dalam pembelajaran dewasa, dalam: S.S. Azmi, A.H. Mohd. Azhar (Peny), *Dinamika Pembelajaran Dewasa Dalam Perspektif* Islam: 20-44. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Anizah (2013) Pengaruh Gaya Kepimpinan Pengetua Dalam Budaya Kerja Guru Di SMKAA Maahad, Muar Johor. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.

Azman, I., Noor Azmi, M.Z., Nor Asiah, O. & Rohani, Y. (2015). Mengurus keselamatan Malaysia: Peranan program pembangunan kepimpinan dalam meningkatkan prestasi kerja pemimpin tentera. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 11(3): 111-122.

Azman, M.Z. (2012). *Factors affecting the effectiveness of training transfer in the parachute infantry battalion.* Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Balkisnah, S. & Norhasni, Z.A. (2009). Tinjauan faktor-faktor pendorong dan penghalang pemindahan latihan. *Sosiohumanika*, 2 (1): 107–123.

Black, A.M. & Earnest, G.W. (2009). Measuring the outcomes of leadership development programs. *Journal of Leadership and Organizational Studies*, 16 (2): 184 – 196.

Blanchard, P.N. & Thacker J.W. (2003). *Effective training: System, strategies and practices* (2nd Ed.). Boston: Pearson Education International.

Colquitt, J.A., LePine, J.A. & Noe, R.A. (2000). Toward an integrative theory of training motivation: A meta-analytic path analysis of 20 years of research. *Journal of Applied Psychology*, 85(5): 678-707.

Hamidah, Y. & Kong, Y.C. (2014). Gaya kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan keberkesanan sekolah. *Management Research Journal,* 3: 93–106

Hasan A. M., Ab. Mumin A.G. & Siti Arni, B. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1): 67-84.

Hatfield, J., Steele, J.P., Riley, R., Glaze, H.K. & Fallesen, J. J. (2011). *2010 Center for Army Leadership Annual Survey of Army Leadership (CASAL): Army*

Paul T.B., Jarle E., Bjorn H.J., Jon C.L., Scott A.S. (2009). Big five personality factors, hardiness, and social judgment as predictors of leader performance. *Leadership & Organization Development Journal*, 30(6): 498-521

Sharifah Hayaati al-Qudsy. (2008). Budaya kerja cemerlang menurut perspektif Islam: Amalan perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19: 187-207.

Suffian, S., Ahmad, Z. Habib & Alina, R. (2005). *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan.* Pahang: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Tengku Sarina, T.K. & Fadillah, M. (2007). Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 25: 103-124.

Vroom, V.H. (1973). A new look at managerial decision making. *Organizational dynamics*, 1(4): 66-80.

Wahab, M.A.A. (2011). *Tentera Darat Malaysia: Menuju reda Ilahi*. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat, Cawangan Perisikan.

Yahya, B.H.A.B. (2014). Perancangan Ketenteraan dalam as Sunnah (Terj.). Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentera.

Yamnill, S. & McLean, G.N. (2001). Theories supporting training transfer. *Human Resources Development Quarterly*, 12: 195-208.